

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**
TARIKH : **KHAMIS, 13 NOVEMBER 2014**
RUJUKAN : **L13 [PR-1323-L64498]**
SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab projek pembangunan semula Plaza Rakyat diberi secara rundingan terus kepada Profit Consortium Sdn. Bhd., adakah Ahli-ahli politik memegang saham secara langsung ataupun tidak langsung di dalam syarikat itu, berapakah kos yang ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam projek tersebut dan tarikh projek itu akan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur belum ada keputusan untuk penjualan tanah kepada mana-mana pihak termasuk Tetuan Profit Consortium Sdn. Bhd.

Berkaitan dengan itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih tiada keputusan untuk melantik Tetuan Profit Consortium Sdn. Bhd. secara rasmi untuk mengambil alih projek Plaza Rakyat.